

# Kena kompaun sebab peliharaan anjing tanpa pengawasan

**PETALING JAYA** – Tindakan seorang pemilik rumah di Taman Connaught, Cheras di sini yang memelihara anjing tanpa pengawasan dan menyimpan barang lusuh secara berlebihan membawa padah apabila dia dikenakan dua kompaun oleh pihak berkuasa.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kenyataan berkata, pihaknya bersama Pejabat Kesihatan Parlimen Cheras telah menerima aduan berulang mengenai premis tersebut sejak 2023.

“Hasil siasatan pada 24 Februari lalu mengesahkan terdapat empat ekor anjing dan sejumlah besar barang lusuh di premis tersebut.

“Dua notis telah dikeluarkan, mengarahkan pemilik untuk mendapatkan lesen anjing, mengurangkan jumlah anjing, serta menghentikan penyimpanan barang lusuh dalam tempoh tiga hari,” katanya semalam.

Menurut DBKL, operasi bersama telah dijalankan pada 27 Februari lalu dengan kerjasama Unit Kawalan Pest Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS), Pusat Logistik Vektor JKAS, dan Ibu Pejabat Polis Daerah Cheras.

“Tindakan yang diambil termasuk pembersihan kawasan, rampasan dua ekor anjing. Pemantauan lanjut akan diteruskan bagi memastikan pematuhan sepenuhnya,” ujarnya.

DBKL menegaskan bahawa memelihara anjing tanpa lesen atau melebihi jumlah yang dibenarkan serta mengumpul barang lusuh hingga menjejaskan persekitaran adalah satu kesalahan.

“Pemilik anjing diwajibkan mendapatkan lesen bagi setiap ekor yang dipelihara, manakala penyimpanan barang lusuh secara berlebihan boleh mengancam kesihatan serta kesejahteraan komuniti,” katanya.



**PIHAK** berkuasa memeriksa sebuah rumah di Taman Connaught, Cheras semalam berhubung aduan berulang dari penduduk.